



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

**PERATURAN 7 (a)**


**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI-PEGAWAI  
DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DENGAN PERKHIDMATAN  
AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILAL TINGKAT I [D.3-4 EB.5]  
JABATAN HAL EHWAL MASJID  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 08 NOVEMBER 2023  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 22 NOVEMBER 2023  
BILANGAN IKLAN: 2023/OCT/20**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**BILAL TINGKAT I  
JABATAN HAL EHWAL MASJID  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
D.3-4 EB.5 (\$900 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian dan lulus Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai Bilal Tingkat II atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).
2. Pandai membaca dan menulis jawi dengan baik.
3. Membaca Al-Quran secara bertajwid dan bertartil.
4. Pandai menyempurnakan jenazah.
5. Membaca Tahlil dan Doa-Doa tertentu dengan baik.
6. Menyempurnakan Azan, Iqamat, Tazkir dan Tarhim dengan baik dan merdu.
7. Tahu hukum-hukum Taharah, Sembahyang, Zakat dan Puasa.
8. Boleh berbahasa Arab dan bahasa Inggeris.



9. Hafaz dengan baik Surah-Surah berikut:
  - Surah Al-Fatiyah.
  - Surah-Surah Lazim (Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas).
  - Surah Al-A'ala.
  - Surah Al-Ghasiyah.
10. Mempunyai rekod perkhidmatan yang baik, bersih dari tapisan keselamatan dan tidak pernah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.
11. Keutamaan akan diberikan kepada calon **Lelaki**.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

##### **1. PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN:**

- a) Menjadi Bilal di masjid tempatnya bertugas (menyempurnakan Azan, Iqamah, Tazkir dan Tarhim);
- b) Menjadi Imam ganti semasa ketiadaan Imam kerana bercuti, berkursus dan terjadinya sebarang kecemasan atau perkara-perkara yang tidak diduga berlaku ke atas rakan setugasnya; dan
- c) Melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab mengikut arahan dan peraturan yang telah ditetapkan sebelumnya yang terkandung di Buku Panduan Kerja Pegawai-Pegawai Masjid 1996.

##### **2. KEWANGAN:**

- a) Mengambil perhatian yang berat terhadap pentadbiran dan pengurusan tabung kewangan masjid mengikut peraturan sebagaimana yang terkandung dalam Panduan Kerja Pegawai-Pegawai Masjid 1996 dalam Bab-Bab 47, 48, 49, 50 dan 51 (a) / (b), dan (c); dan
- b) Menjalankan tugas-tugas Bendahari dalam senarai Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid.



**3. PENTAKMIRAN:**

- a) Membantu Ketua Imam dalam melaksanakan pentakmiran masjid dan yang berkaitan dengannya;
- b) Membantu Ketua Imam dalam melaksanakan program takmir masjid mengikut Rancangan Kerja Tahunan Takmir Masjid yang telah disusun; dan
- c) Membantu Ketua Imam dalam berusaha bersama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Majlis Perundingan Kampung / Mukim bagi meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan masyarakat kampung dan sekitarnya.

**4. PEMELIHARAAN MASJID / BANGUNAN:**

- a) Membantu Ketua Imam dalam memastikan keselamatan bangunan (kerosakan bangunan, alat penghawa dingin, tandas, dapur, tempat berwudhu dan sebagainya) dan melaporkannya segera kepada Ketua Imam jika perlu kepada pemberian serta merta sebagaimana yang terkandung dalam Buku Panduan Kerja Pegawai-Pegawai Masjid 1996 dalam Bab-Bab 11(a) / (b) / (c) / (d) dan (e).

**5. ARAHAN DARI SEMASA KE SEMASA:**

- a) Menerima arahan dari semasa ke semasa dari Pengarah, Penolong Pengarah, Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah dan pegawai atasan.

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada  
Kementerian Hal Ehwal Ugama seperti berikut:**

**Alamat : BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,  
JABATAN PENTADBIRAN,  
KEMENTERIAN HAL EHVAL UGAMA,  
JALAN DEWAN MAJLIS,  
BERAKAS, BB3910  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Emel : [norhanani.wahab@mora.gov.bn](mailto:norhanani.wahab@mora.gov.bn)**

**No.Tel : 7292563 / 7292568**